

Headline	FRIM RANGKUL EMAS DI MINI KONVENSYEN ICC		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	30 Apr 2013	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	60,000
Page No	37	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	182 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,001
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,003



FRIM RANGKUL EMAS DI MINI KONVENSYEN ICC

Johan Pertandingan Inovatif dan Kreatif (ICC) 2012 peringkat Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim), pasukan Generasi Budaya Saing, sekali lagi mengharumkan nama Frim dengan memenangi Anugerah Emas di Mini Konvensyen ICC yang dianjurkan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), baru-baru ini.

Pasukan Generasi Budaya Saing membentangkan projek melibatkan pembinaan sebuah menara penyejuk dinamakan sebagai 'Good Budget System' (GBS) sebagai sistem sokongan alat penyulingan air untuk mengelakkan pembaziran air dalam proses penyulingan, seterusnya menjimatkan kos.

Penyulingan adalah salah satu kaedah rawatan air yang melibatkan proses pengewapan, penyejukan dan kondensasi bagi menyingkirkan

bendasing bagi menghasilkan air tulen atau dikenali sebagai air suling.

Teknologi

Proses ini menghasilkan banyak air terbuang bersuhu panas. Penggunaan sistem GBS ini membolehkan air terbuang diperangkap dan dikitar semula secara berterusan. Sistem ini boleh diaplikasikan kepada mana-mana alat penyulingan air walaupun sedikit pengubahsuaian mungkin perlu dibuat mengikut spesifikasi alat penyulingan air yang berbeza.

Terdapat 15 unit alat penyuling air yang digunakan secara aktif di Frim. Sekiranya sistem GBS dilaksanakan di keseluruhan makmal, ia berupaya menjimatkan kos bil air di Frim hampir RM5,000 setahun.



Aksi pasukan Generasi Budaya Saing ketika membentangkan projek menara penyejuk.